



7

FACEBOOK: Adakah Penggunaannya Mengubah Ekologi Komunikasi Kekeluargaan?

Nan Zakiah Megat Ibrahim dan Che Su Mustaffa

Facebook merupakan salah satu hasil ciptaan dalam perkembangan dunia teknologi hari ini yang digunakan dalam teknologi internet. *Facebook* adalah salah satu media perhubungan sosial yang sangat terkenal. Melalui *Facebook* masyarakat dapat berinteraksi dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia (Szapkiw, Hutchinson & Spaulding, 2014). Pengguna *Facebook* boleh mempamerkan apa sahaja yang mereka ingin orang lain tahu berkenaan diri mereka di laman *Facebook* seperti tarikh kelahiran, hobi, matlamat masa hadapan dan banyak lagi (Lane & Menzies, 2015). Berdasarkan sejarah kemunculan *Facebook* adalah sebuah rangkaian sosial yang baru sahaja dicipta pada tahun 2006 oleh seorang mahasiswa Harvard yang bernama Mark Zuckerberg. Mark Elliot Zuckerberg atau Mark Zuckerberg lahir pada 14 Mei 1984 di Dobbs Ferry, Westchester Country, New York, Amerika Syarikat (AS).

Statistik yang diperolehi melalui perkembangan dunia jaringan sosial mendapati 50% penggunaanya aktif mendaftar masuk ke *Facebook* setiap hari. Hal ini bermaksud, sekurang-kurangnya terdapat 175 juta pengguna setiap 24 jam sekali. *Facebook* juga memiliki jumlah anggota hingga 350 juta di dunia. Lebih daripada 35 juta pengguna *Facebook* mengemaskini status setiap hari. Gambar yang dimasukkan di *Facebook* telah meningkat 100%, dan sekitar 2.5 juta gambar telah dimasukkan ke laman *Facebook* setiap bulan. Lebih dari 700,000 perniagaan mengaktifkan halaman penggemar di *Facebook*. Statistik menunjukkan peratusan pengguna wanita dari negara ini melebihi jumlah pengguna lelaki iaitu sebanyak 1,723,360 berbanding 1,678,140 pendaftar lelaki.

Generasi Y Sebagai Pelopor Penggunaan Facebook

Gen Y merupakan generasi yang dilahirkan antara tahun 1980 dan 1994 dan dikatakan merupakan komponen pengguna yang signifikan. Gen Y merupakan pengguna awal kepada teknologi baru dan merupakan pengguna internet yang ekstensif. Gen Y merupakan pengguna utama perkhidmatan-perkhidmatan mobil. Dari segi penggunaan perkhidmatan mobil, laporan terkini di Amerika Syarikat menyatakan 50% daripada pengguna di Amerika Syarikat berumur antara 15 tahun sehingga 24 tahun mempunyai telefon mobil (Smith, 2013).

Terdapat banyak penelitian berkaitan dengan Generasi Y sebagai sekumpulan pengguna, tingkah laku kepenggunaan dan juga nilai. Terdapat banyak pandangan bahawa generasi ini berkongsi budaya global yang diperkembangkan oleh kepelbagaian media. Penyelidikan juga telah mendapati bahawa Generasi Y amat berkait rapat dengan bidang teknologi komunikasi dalam konteks penguasaan global.

Menurut Lenhart, Purcell, Smith dan Zickuhr (2010), tenaga kerja dewasa ini terdiri daripada pelbagai aspek seperti kakitangan yang berbeza generasi, budaya dan nilai. Pesona individu dibentuk oleh pengalaman-pengalaman yang dialami ketika dalam proses pembesaran. Dengan itu, adalah wajar untuk kita mengandaikan bahawa stail berkomunikasi, nilai dan jangkaan antara kakitangan di tempat kerja adalah berbeza antara generasi.

Generasi bererti kumpulan-kumpulan yang dikenal pasti dari aspek tahun kelahiran, umur, lokasi dan peristiwa yang signifikan yang mempengaruhi pesona mereka. Pengalaman hidup membentuk identiti mereka dan mempengaruhi sistem nilai bagi membolehkan mereka menilai yang benar dan juga salah. Dalam mengkategorikan generasi masyarakat kini, terdapat empat generasi yang diperkatakan oleh O'Brien (2011) iaitu Veteran S (1922-1943), Baby Boomers (1944-1960), Generation Xers (1961-